

# KISAH PEKIK PULA...



'DEWAN MESYUARAT':

Kolong Blok 1 di Jalan Kukoh ini menjadi tempat pertemuan anggota kumpulan Pekik yang terdiri daripada keluarga pendapatan rendah di zon RC itu.

– Foto KHALID BABA

**B**AK kata pepatah, sekali air bah, sekali pantai berubah.

Dan hidup Encik Samsuri Mahadi, 48 tahun, berubah dengan drastik dua tahun lalu apabila beliau tidak dibenarkan terus bertugas sebagai ejen hartanah.

Bermula 2010, setiap ejen hartanah perlu berlesen tetapi Encik Samsuri gagal menunjukkan bukti urus niaga yang pernah dilakukannya sebelum itu – satu kriteria bagi mendapat lesen.

Beliau pula tidak berjaya mendapatkan jawatan lain kerana hanya mempunyai kelulusan sehingga darjah enam sahaja.

Terdesak menyara hidup keluarganya yang besar, bapa kepada enam orang anak itu pun menggunakan wang simpanannya memulakan sebuah gerai menjual makanan Melayu di estet perumahannya di Jalan Kukoh.

Bagai jatuh ditimpa tangga, Encik Samsuri mengalami kerugian dan terpaksa menggulung tikar gerainya tahun lalu.

Saat itu adalah antara peristiwa paling hitam pernah melanda dirinya, kata Encik Samsuri apabila ditemui minggu lalu.

Namun, duka yang membelenggu jiwanya itu tidak berkekalan.

Sebaliknya, beliau mula memikirkan tentang kepentingan nilai pendidikan dan bagaimana beliau boleh menggunakan pengalaman hidupnya itu bagi membantu anak-anak jiran-tetangga dan belia yang dilihatnya sering berkeliaran di estet perumahannya itu.

“Saya tidak mahu mereka mengalami nasib yang sama apabila dewasa nanti,” kata Encik Samsuri, ringkas.

Lantas, Encik Samsuri dan seorang jirannya, Encik Ahmad Habib, 65 tahun, memulakan Persatuan Kebajikan Islam Jalan Kukoh (Pekik) dengan tujuan menerapkan kepentingan pendidikan dan menimba ilmu dalam kalangan kanak-kanak di kawasan itu.

Persatuan tidak rasmi itu kini dianggotai sekitar 30 keluarga Melayu yang menghuni gugusan blok flat sewa di Jalan Minyak, Jalan Kukoh dan York Hill.

Dan setakat ini, walaupun kekal dibelenggu masalah ketiadaan ruang dan dana, Pekik

BERSAMA



NORMAN SAWI

normans@sph.com.sg

telah berjaya menyentuh hidup kanak-kanak dan belia di kawasan itu.

Selain mempelawa belia-belia itu menghadiri sesi latihan bola sepak pada hujung minggu, Pekik juga menggalakkan mereka menghadiri kelas agama di Masjid Omar Kampong Melaka, sesuatu yang dialu-alukan pengerusinya, Encik Yusoff Ali.

“Bagi kami adalah lebih baik jika lebih ramai jemaah ke masjid menimba ilmu dan sebagainya,” kata Encik Yusoff yang memberitahu bahawa pihak masjid masih dalam perbincangan mengadakan kelas agama khusus untuk anggotanya.

Kegiatan Pekik juga berjaya menarik perhatian sekumpulan mahasiswa Universiti Teknologi Nanyang (NTU) yang memuatkan kisah mereka dalam projek akhir tahun berjudul *Growing Up With Less*.

Namun, pada mulanya Encik Samsuri akur beliau sukar mendapat sokongan untuk Pekik, terutama daripada penduduk kawasan itu.

Keadaan turut dirumitkan kerana Encik Samsuri kini hanya bekerja sambilan.

“Orang kata, saya orang miskin, tiada sumber... ni nak pandai-pandai bantu orang pula.

“Tapi bagi saya, jika saya tidak boleh bantu wang, saya boleh bantu dengan nasihat dan usaha,” kata Encik Samsuri.

Sementara berbesar hati melihat semangat Encik Samsuri membantu kanak-kanak di estet perumahannya, Anggota Parlimen GRC Tanjong Pagar, Dr Lily Neo, turut menggariskan kepentingan menghulurkan bantuan yang mendatangkan faedah jangka panjang.

“Setiap inisiatif yang diambil perlu mampu dikekalkan dengan cara yang berkesan,” kata

Dr Neo apabila dihubungi *Berita Minggu* (BM).

Sejajar dengan pendekatan ini, Encik Samsuri juga berhasrat mendekati penduduk dewasa di kawasan itu.

Selain menggalakkan kaum ibu menghadiri kelas agama di masjid, beliau juga rela menjadi ‘orang tengah’ dan menghubungkan sesiap yang perlukan bantuan dengan badan-badan yang sesuai.

Sebagai contoh, Pekik pernah mengadakan pertemuan dengan Yayasan Mendaki yang berkesudahan dengan penganjuran bengkel Program Bijak Belanja untuk penduduk Jalan Kukoh Oktober lalu.

Apabila dihubungi, jurucakap Mendaki berkata bahawa ia sedang menanti keterangan lanjut tentang program-program Pekik sebelum mengambil langkah susulan dan bekerjasama lebih lanjut dengan mereka.

Semangat Encik Samsuri untuk membantu jiran tetangga itu seolah-olah berjangkit pula.

Isterinya, Cik Hasnah Ahmad, 47 tahun, kini sedang menjalani program perniagaan mikro dengan Angkatan Karyawan Islam (AMP). Beliau berharap agar tindakannya itu akan mendorong suri rumah lain mengambil langkah proaktif membantu diri mereka sendiri.

Kini, Encik Samsuri sedang mengumpulkan idea untuk menjalin hubungan mesra antara penduduk di kawasan itu.

Beliau bercadang menganjurkan perjumpaan Hari Raya pada Ogos nanti, selain mengadakan Hari Sukan dan perkhemahan di Pantai East Coast pada penghujung tahun.

Hari ini pula, bermula jam tiga petang, beliau akan mengadakan pasar lambak percuma di kolong Blok 1 di Jalan Kukoh.

Katanya, semenjak kisah Pekik mula diketahui umum, pihaknya telah menerima pelbagai barangan derma yang kini ingin diagih-agihkan secara percuma kepada penduduk kawasan itu.

Beliau berharap, lebih ramai penduduk akan menyertai kegiatan Pekik pada masa depan nanti.

“Tiada sesiapa yang akan membantu kita jika kita tidak membantu diri kita dahulu,” kata Encik Samsuri lagi.